

TAMING THE WILD: ABORIGINES AND RACIAL KNOWLEDGE IN COLONIAL MALAYA oleh Sandra Khor Manickam. Singapore: NUS Press, 2015. Halaman 310. ISBN: 978-9971-69-832-4.

Kolonialisme adalah subjek yang seringkali diperkatakan di Malaysia. Dari korpus yang besar itu, hanya sebahagian kecilnya menyentuh kompleksiti pembinaan ilmu pengetahuan. Lebih halus dari itu sangat terbatas sekali perbincangan yang memposisikan Orang Asli sebagai satu bentuk ilmu pengetahuan (*form of knowledge*) zaman kolonial. Dipandang dari sudut ini buku tulisan Sandra Khor Manickam (S. K. Manickam), *Taming the Wild: Aborigines and Racial Knowledge in Colonial Malaya* bukan sahaja telah pun meneroka ruangan istimewa, malahan intipatinya penting bagi lapangan kajian identiti, kategori sosial, politik dan pengajian etnik secara umum di Malaysia. Buku ini kuat dengan data empiriknya yang secara tidak langsung mengabsahkan hujah para sarjana tentang simbiotik kuasa dan ilmu pengetahuan. Bagi mereka yang bergelut dalam bidang pengajian pascakolonialisme di Malaysia, buku S. K. Manickam harus dialu-alukan kerana ia mengisi suatu segmen ontologikal yang agak kurang diperinci sebelum ini, sekaligus memperteguhkan pelantar epistemologikal sedia ada. Hal ini tidak aneh kerana S. K. Manickam sendiri seorang sejarawan gigih yang sedang giat membina nama.

S. K. Manickam warga Malaysia yang kini mengajar serta menyelidik di Erasmus University Rotterdam, Belanda. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah dari Australian National University (ANU) pada tahun 2010. Bukunya yang sedang diperkatakan ini adalah hasil suntingan tesis yang diajukan untuk Ijazah Doktor Falsafah di ANU. Selain *Taming the Wild: Aborigines and Racial Knowledge in Colonial Malaya*, S. K. Manickam turut menerbitkan beberapa makalah di jurnal antarabangsa yang meliputi topik berkaitan ras, identiti dan hegemoni ilmu pengetahuan di Malaysia secara khusus dan Asia Tenggara pada amnya. Secara integratif dan kronologis, buku yang memuatkan enam bab ini (tidak termasuk bab kesimpulan) cuba menunjukkan bagaimana kedudukan Orang Asli yang tidak jelas dari aspek kedudukannya sebagai pribumi masa kini telah terbina melalui proses sosialisasi ilmu pengetahuan berkenaan ras di zaman kolonial. Secara tidak langsung, S. K. Manickam cuba menunjukkan bahawa pengetahuan berkenaan Orang Asli selama ini bersifat dinamik ataupun bertindan-lapis, yang tidak semestinya secocok dengan konsepsi komuniti itu sendiri ke atas masyarakat mereka.

Di dalam bab satu, S. K. Manickam meneliti wacana awal kolonial tentang Orang Asli serta proses pembezaan komuniti tersebut dengan masyarakat Melayu---meskipun kedua-duanya kini dianggap sebagai 'pribumi.' Bermula dengan menggaris persoalan status penduduk asal Tanah Melayu, S. K. Manickam meneliti secara mendalam teks-teks kolonial di abad ke-19. Persoalan status penduduk asal dilihat menjadi asas pembezaan Melayu dan Orang Asli yang diaju oleh dua orang sarjana kolonial awal, William Marsden serta John Leyden. Dua orang sarjana kolonial ini pada mulanya menghujahkan Melayu sebagai penduduk asal (*aborigines*), sebelum mereka kemudiannya berpandangan terdapat kelompok manusia lain yang terlebih dahulu mendiami Tanah Melayu---*Orang Gugu, Orang Kubu, Orang Utan, Samang, Bila* dan *Dayak*. Asas perbezaan Melayu-Orang Asli disandarkan oleh Marsden dan juga Leyden pada habitat sosial serta anutan agama kedua-dua kelompok. Stanford Raffles serta John Crawfurd kemudian meneruskan upaya pembezaan dua kelompok sosial ini melalui fokus ke atas ciri ras dan status sosial. Dalam wacana Raffles dan Crawfurd persoalan penduduk asal disandarkan juga pada superioriti-inferioriti antara Melayu dan Orang Asli. Persoalan ras menjadi penentu kepada kedudukan Orang Asli yang dianggap inferior berbanding komuniti Melayu. Wacana perbezaan Melayu-Orang Asli diteruskan oleh dua orang lagi sarjana kolonial, John Anderson

dan juga T. J. Newbold. Anderson secara nyata berpandangan Melayu bukan kelompok yang wajar disebut penduduk asal di atas faktor migrasi, manakala Newbold lebih berpandangan sederhana. Kepada beliau, Melayu awal---*Orang Benua*---masih boleh disebut penduduk asal meskipun komuniti Melayu telah muncul dengan karektor 'baharu' kemudiannya.

Bagaimanakah bibit-bibit awal pembezaan ini menjadi semakin ketara? Dalam bab dua, S. K. Manickam menonjolkan persoalan konseptualisasi dan persepsi ke atas Orang Asli yang telah disosialisasi melalui teks berbahasa Melayu. Istilah '*aborigines*' yang asalnya digunakan oleh sarjana-sarjana kolonial untuk merujuk pada status penduduk asal Tanah Melayu tadi telah berubah menjadi sebuah label identiti kepada sekelompok manusia. Pengertiannya kemudian mula mengandungi nilai dan stereotaip tentang karektor kelompok penduduk asal itu sendiri. Menariknya, hal ini ketara dalam penulisan berbahasa Melayu yang diusahakan oleh Munshi Abdullah, seorang penterjemah untuk pegawai kolonial. Abdullah menggunakan istilah *Jakun* dan juga *Orang Asal* sebagai terjemahan kepada '*aborigines*' dari bahasa Inggeris. Dekripsi beliau berkenaan kelompok Orang Asli agak negatif dalam ertikata, tingkah-laku serta cara kehidupan mereka dianggap jauh berbeza dengan 'manusia.' Bahkan, Abdullah secara jelas menyebut kelompok Orang Asli itu mempunyai kehidupan seperti 'binatang,' iaitu tidak tahu menguruskan kebersihan diri dan tiada pakaian lengkap. Naratif Abdullah yang dibuat dalam bahasa tempatan ini telah memperkukuhkan pembinaan persepsi negatif terhadap Orang Asli ketika itu, bahkan sebahagiannya berterusan sehingga kini.

Bab tiga membahaskan persoalan sosialisasi ilmu pengetahuan dalam zaman kolonial tentang Orang Asli. S. K. Manickam menonjolkan fungsi jurnal-jurnal dalam bahasa Inggeris sebagai medium sebaran maklumat berkaitan komuniti tersebut yang diisi oleh pelbagai tulisan sarjana kolonial. Dua jurnal utama, *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia* (JIAEA) dan *Journal of Straits Branch of the Royal Asiatic Society* (JSBRAS) dilihat sebagai alatan untuk memperkukuhkan kolonialisme melalui pelbagai perincian dan maklumat tentang masyarakat tanah jajahan. Selain itu, maklumat etnografi tentang Orang Asli yang diperolehi juga penting bagi tujuan perniagaan dan juga eksploitasi ekonomi kolonial, terutama dalam melaporkan isi tanah, bahan mentah dan khazanah hutan. Selain jurnal, ilmu pengetahuan tentang Orang Asli juga dirakamkan melalui rekod-rekod kerajaan, samada dalam bentuk warta, undang-undang mahupun dokumen fail-fail kerajaan. Khazanah ilmu pengetahuan kolonial ini kemudiannya secara langsung mahupun tidak, telah melahirkan kefahaman terarah dan baku tentang Orang Asli---misalnya berkenaan pembahagian kategori 'liar' (*wild*) dan juga 'jinak' (*tame*) ke atas cara hidup komuniti berkenaan. Kelompok 'jinak' dianggap telahpun melalui proses akulturasi dengan masyarakat Melayu manakala yang 'liar' masih lagi berada dalam bentuk budaya asal. Dikotomi 'liar-jinak' Orang Asli ini kemudiannya telah dipertegaskan melalui kaedah bancian yang dilaksanakan secara berkala oleh kuasa kolonial ketika itu.

Perbincangan tentang bancian ini dibuat secara khusus dalam bab empat. Banci ialah prosedur pentadbiran biasa bagi mengetahui pelbagai aspek masyarakat di tanah jajahan. Dengan kaedah bancian masyarakat lazimnya akan dikategorikan secara formal mengikut kelompok tertentu. Namun, ia bukanlah sesuatu yang bersifat muktamad atau beku---dalam ertikata lain, kategori tadi boleh berubah dari semasa ke semasa. Bagi kes Orang Asli, bancian yang dibuat telahpun meletakkan perbezaan yang ketara antara mereka dan juga orang Melayu. Orang Asli diiktiraf sebagai penduduk asal Tanah Melayu tetapi status mereka tidaklah sama dengan orang-orang Melayu. Faktor cara hidup, status dan habitat sosial adalah antara item yang dipentingkan bagi mengasaskan dualisme kedudukan Melayu-Orang Asli itu. Orang Asli secara umum disifatkan sebagai manusia bersifat 'liar' atas pertimbangan atas aspek kehidupan yang dinyatakan tadi.

Namun, menyadari bahawa terdapat juga kelompok Orang Asli yang rapat hubungan sosialnya dengan masyarakat Melayu---misalnya kelompok yang dipanggil *Sakai*---maka diperkenalkan juga kategori 'jinak' dalam laporan banci kolonial. Andaian utama yang melatar kategori 'liar-jinak' ini adalah berlakunya mobiliti sosial, daripada sifat asal Orang Asli yang liar, kemudian menjadi jinak dan seterusnya menjadi Melayu total. Deskripsi dalam bancian ini diujahkan S. K. Manickam bukan semata-mata untuk mengkategorikan dan memperincikan masyarakat, tetapi yang lebih utama adalah mempermudah urustadbir dijalankan oleh kuasa kolonial.

Dalam bab lima, S. K. Manickam cuba memperlihatkan pertentangan antara konsepsi yang ada dalam laporan banci dengan hasil kajian sarjana kolonial sendiri ke atas masyarakat. Dalam hal ini, peranan kajian antropologi ditonjolkan sebagai pencetus kepada pertentangan itu. Aplikasi antropologi fizikal sebagai pendekatan berpengaruh dalam kalangan sarjana kolonial ketika itu amat mementingkan paradigma ras untuk pengkategorian masyarakat. Data-data etnografi yang dikutip melalui ekspedisi antropologi fizikal dianggap jauh lebih objektif dan berwibawa jika ingin dibandingkan dengan hasil bancian. Perincian antropologi fizikal dilihat utuh apabila ia berjaya mengasaskan perbezaan ras di antara orang Melayu dengan sub-kelompok Orang Asli seperti *Sakai*, *Semang* dan *Jakun*---meskipun pada peringkat awal perbezaan orang Melayu dan Orang Asli itu dilihat agak kabur. Antropologi fizikal dan sarjana kolonial berpandangan, hal-hal berkaitan dengan ciri fizikal harus diutamakan dalam pengkategorian ras, walaupun budaya, kemajuan cara hidup dan aspek-aspek ketamadunan tidaklah dinafikan terus sebagai instrumen pengkelasan. Justeru, paradigma ras inilah yang dipentingkan ketika itu dengan deskripsi khas dibuat tentang rambut, bentuk muka, warna kulit, bentuk kaki dan sebagainya untuk membeza sifat fizikal orang Asli dan juga orang Melayu. Perbezaan ini meyakinkan sarjana kolonial yang cenderung kepada pendekatan antropologi fizikal bahawa Orang Asli sepatutnya berada dalam kategori yang berlainan dari orang Melayu---sekaligus menolak istilah 'jinak' yang diperkenalkan dalam laporan-laporan banci kolonial.

Bagi mengimbangi pertentangan berkenaan 'liar-jinak' yang ketara antara laporan bancian dan tulisan sarjana pendokong antropologi fizikal, S. K. Manickam memilih untuk memperkatakan kajian Ivor H. N. Evans dalam bab enam. Evans adalah antara sarjana kolonial angkatan akhir sebelum Tanah Melayu meraih kemerdekaan. Karya Evans termasuk gambar komuniti Orang Asli yang diambilnya pada peringkat awal menunjukkan persamaan dengan pegangan sarjana pendokong antropologi fizikal, bahawa Orang Asli semuanya bersifat 'liar.' Namun tulisannya yang lebih terkemudian mula menggunakan dikotomi 'liar-jinak' seperti laporan banci. Cuma penggunaannya disulamkan dengan paradigma ras-fizikal, yang menjadikan konsep 'liar-jinak' itu dianggap saintifik. Oleh kerana kedudukannya amat strategik sebagai pegawai tadbir dalam birokrasi kolonial ketika itu, pendirian Evans ini dianggap memberi legitimasi terhadap konsep 'liar-jinak,' sekaligus menyelarasi apa yang dikonsepsikan dalam laporan banci dengan karya-karya kesarjanaan kolonial. Komitmen Evans mengkaji komuniti Orang Asli secara terperinci serta berjangka panjang meletakkannya sebagai ahli antropologi kolonial yang berpengaruh di Tanah Melayu, dalam ertikata beliau menjadi rujukan pemerintah untuk sebarang penggubalan dasar ke atas komuniti tersebut---meskipun pada peringkat antarabangsa, karya Evans telahpun dikritik. Dalam konteks ini, Evans telah menyusun-atur dapatan kajiannya sebagai suatu input guna untuk pemerintahan kolonial dan bukan semata-mata kajian etnografi kaku bagi manfaat sekelompok masyarakat yang mempunyai akses terhadap pelbagai jurnal atau buku sahaja.

S. K. Manickam menyimpulkan perbincangannya dengan mengungkap betapa kajian berkaitan masyarakat tempatan di tanah jajahan sangat penting untuk kelangsungan sesebuah kuasa yang menjajah. Kajian-kajian ini bukan sahaja membantu kuasa kolonial mengenal masyarakat yang

dijajah, bahkan input-inputnya berpotensi menyerap sebagai unsur kebudayaan bagi kelompok tempatan itu sendiri. Dalam konteks wacana tentang ras yang diajukan dalam bukunya ini, S. K. Manickam misalnya berpandangan bukan sahaja fakta-fakta biologi berpengaruh membentuk kategori sosial tetapi juga ciri-ciri kebudayaan. Hal inilah yang menjadi latar ‘kekaburan’ untuk memahami kedinamikan identiti Orang Asli dalam zaman kolonial itu tadi. Kekaburan itu telah terinsituisi di dalam dekad tersebut, bahkan nampaknya kekal berterusan sehingga kini. Perkara ini beliau gariskan pada akhir bab kesimpulannya, bahawa terdapat semacam kekekakan dalam memahami dan mendepani masyarakat Orang Asli, hatta sehingga sekarang.

Secara keseluruhan, *Taming the Wild: Aborigines and Racial Knowledge in Colonial Malaya* adalah karya yang berbaloi dibaca, bukan sahaja kerana ciri polemikalnya, tetapi juga lantaran intipati dan pengisian sarat---samada sebagai naskah akademik mahupun untuk bacaan umum. Cuma, pada hemat pengulas, persembahan buku ini akan tambah kemas, terarah dan koheren jika S. K. Manickam menggariskan kerangka teoretikal ataupun konseptualnya secara eksplisit. Hal ini mustahak supaya sumbangannya tidak sahaja terserlah pada paras ontologi, tetapi juga epistemologi. Adalah kurang jelas tentang bagaimana buku ini memposisikan dirinya di tengah wacana pascakolonial yang melewati batas perbincangan bersifat ‘historikal-deskriptif’ sahaja. Penggunaan eksplisit konsep-teori seperti ‘Ilmu Kolonial’ dalam konteks ini tentu sahaja akan menambahkan ketajaman analisis, sekaligus gaya persembahan yang akan lebih mempermudah penghayatan pembaca. Selanjutnya sumbangan karyanya yang penting ini boleh diapresiasi dalam sudut pandang lebih luas.

Sebagai catatan hujung, ulasan ini cuba mencadangkan agar *Taming the Wild: Aborigines and Racial Knowledge in Colonial Malaya* dibaca serta dipertimbangkan dalam kerangka konsep-teori ‘Ilmu Kolonial’ yang dinyatakan di atas. ‘Ilmu Kolonial’ adalah sebuah konsep atau teori lama yang diberikan masukan baru oleh ahli Antropologi Sejarah terkemuka Amerika Syarikat Bernard S. Cohn (1923-2003). Ia adalah sebuah alat analisis yang berkeupayaan membentuk cara pandang pengkaji dalam meneliti aktiviti ‘takrif dan perintah’ sesebuah kuasa kolonial di tanah jajahan. Bezanya ‘Ilmu Kolonial’ dengan konsep-teori yang terlebih dahulu dikemukakan tentang kolonialisme dan masyarakat pribumi seperti ‘Orientalisme’ ataupun ‘Minda Tertawan’ adalah ia tidak sekadar bersedia memperkatakan dampak kolonialisme dari sudut epistemologi tetapi turut prihatin untuk menganalisis bagaimana aspek epistemologi itu ditakluk dan diubah. Bernard S. Cohn melalui kajiannya berkenaan India British telah menggariskan enam kaedah bagaimana kolonial Inggeris telah menakluk serta memodifikasi ruang epistemologi pribumi di negara tersebut. Enam kaedah itu disebutnya sebagai ‘modaliti penyiasatan’ yang merangkumi 1) historiografi, 2) kajian, 3) bancian, 4) pengawasan, 5) pemuziuman dan juga 6) perjalanan. Modaliti historiografi merujuk pada kegiatan kuasa kolonial mengorek dan juga menggeledah khazanah sejarah masyarakat dijajah, seterusnya memanipulasikan aspek itu bagi mewajarkan kolonialisme berlangsung. Modaliti kajian pula meliputi beraneka penelitian mendalam yang dibuat ke atas pelbagai aspek negara serta masyarakat dijajah samada yang bersifat sains tabii atau sains kemanusiaan, untuk memahami lokaliti, psikologi dan potensi tanah jajahan secara menyeluruh. Modaliti ketiga, iaitu bancian pula merujuk kepada usaha mengklasifikasi secara kualitatif dan kuantitatif masyarakat yang dijajah supaya pelbagai dasar awam atau peraturan yang digubal akan meliputi semua kelompok masyarakat, dalam masa yang sama memudahkan pentadbiran kolonial. Modaliti pengawasan pula merujuk pada usaha memperkenalkan identiti rasmi bagi anggota masyarakat dijajah yang kesemuanya akan disimpan dalam pangkalan data kolonial. Ianya bagi memudahkan pihak kolonial mengawasi individu-individu yang mungkin berpotensi mengancam kelangsungan kolonialisme. Modaliti pemuziuman merujuk pada usaha mengumpul serta mempamer khazanah sains atau bukan sains pribumi yang dianggap eksotik,

ganjil serta aneh guna menunjukkan betapa terbelakangnya cara hidup komuniti dijajah. Akhir sekali adalah modaliti perjalanan yang mana melaluinya penulis kolonial mengenalpasti aspek-aspek budaya berbeza dalam kalangan masyarakat pribumi, seterusnya memberi label negatif, seperti 'kolot,' 'kotor', 'malas' dan sebagainya bagi kelompok tersebut. 'Modaliti penyiasatan' Ilmu Kolonial ini telah digunakan secara meluas untuk mengkaji bagaimana penaklukan aspek epistemologi pribumi itu berlaku hatta bagi kes luar India British. Shamsul AB misalnya adalah antara sarjana Malaysia yang giat menggunakan 'modaliti penyiasatan' Ilmu Kolonial untuk mengkaji proses dan dampak kolonialisme di Malaysia.

Sebenarnya, jika disoroti secara teoretikal, proses 'menjinak Orang Asli yang liar' sepertimana diperkatakan S. K. Manickam dalam *Taming the Wild: Aborigines and Racial Knowledge in Colonial Malaya* tidaklah terlepas dari konstruksi Ilmu Kolonial melalui 'modaliti penyiasatan' seperti yang diujahkan oleh Bernard S. Cohn. Bahkan elemen 'modaliti penyiasatan' itu begitu ketara kelihatan disentuh secara tidak langsung oleh S. K. Manickam dalam bukunya ini. Maka seperti yang diperkatakan tadi, eloklah intipati bukunya ini turut difahami oleh para pembaca dalam perkaitannya dengan 'Ilmu Kolonial' yang dikupas tadi. Sungguhpun begitu, ketiadaan konsep-teori 'Ilmu Kolonial' dalam perbincangan beliau tidaklah sehingga menjadikan buku ini lemah dari sudut ketajaman analisisnya. Pendekatan sejarah yang mencungkil data-data secara terperinci seperti diusahakan oleh S. K. Manickam sebenarnya secara tidak langsung telahpun memberi makna dan legitimasi kepada Ilmu Kolonial itu sendiri sebagai alat analisis. Manakan ada konsep ataupun teori yang mampu berdiri sendiri tanpa sulaman data empirik seperti yang ditunjukkan oleh buku ini. Sesungguhnya S. K. Manickam telah melakukan suatu penyelidikan yang amat sukar dan penting, lantas selayaknya buku ini mendapatkan perhatian dari khalayak.

Mohd Adib Akmal Ahmad Shatir

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor